



"BERHARI RAYA DENGAN PENUH BERADAB"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَبْنَىٰ إَادَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ
مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَآشْرِبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ

آلَّمُسَرِّفِينَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ
أَوْ صِيَكُمْ وَإِيَّايَ بَتَقْوَى اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,



Marilah kita tingkatkan taqwa kepada Allah SWT iaitu dengan mengerjakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Lebih-lebih lagi dengan kedatangan bulan Syawal yang mulia ini. Kita hendaklah berusaha menjadikan ia sebagai bulan mengangkat kualiti iman dan amal soleh. Semoga kita mendapat keredhaan Allah SWT serta perlindungan dari api neraka.

Tajuk khutbah kita hari ini ialah "**BERHARI RAYA DENGAN PENUH BERADAB**".

Hadirin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Ramadhan al-Mubarak telah pun berlalu meninggalkan seribu satu kenangan ibadah yang sepatutnya tidak terhenti apabila syawal menjelma. Selagi nyawa dikandung badan, selagi urat nadi berdenyut, selagi malaikat maut belum menjemput, selagi itulah amal ibadat kita tidak sepatutnya terhenti hanya kerana musim-musim tertentu sahaja.

Madrasah Ramadhan yang datangnya hanya sekali dalam setahun seharusnya dapat menjana peningkatan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah SWT sebagaimana matlamat ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 183:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا
كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwah".



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Idulfitri adalah anugerah Allah SWT kepada orang mukmin yang telah bermujahadah menunaikan ibadat puasa sepanjang Ramadhan. Ia adalah sebagai tanda kemenangan melawan segala tuntutan nafsu yang meruntun jiwa selama sebulan berpuasa.

Nabi Muhammad SAW menyambut Idulfitri dengan penuh kesyukuran lantaran nikmat yang dikurniakan Allah SWT. Walaupun diriwayatkan bahawa baginda bersedih dengan pemergian Ramadhan, namun Idulfitri disambut juga dengan suasana ceria dan gembira.

Kehadiran Idulfitri juga sewajarnya dihiasi dengan perkara-perkara sunat yang dapat meneruskan lagi kemuliaan Ramadhan. Antara perkara-perkara sunat yang sepatutnya telah kita lakukan sebelum solat sunat Idulfitri ialah:

Pertama: Mandi sunat hari raya sebelum keluar menunaikan solat sunat Idulfitri.

Kedua: Menjamah makanan sebelum keluar.

Hadis daripada Anas Bin Malik RA yang memberitahu bahawa:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَغْدُو يَوْمَ الْفِطْرِ حَتَّىٰ يَأْكُلَ تَمَرَاتٍ

"Rasulullah SAW tidak keluar rumah pada pagi hari raya Idulfitri melainkan selepas baginda SAW memakan beberapa biji kurma"

(Riwayat al-Bukhari).



Ketiga: Tidak melalui jalan yang sama ketika pergi dan balik ke tempat solat.

Ia berdasarkan hadis dari Jabir RA yang menceritakan bahawa:

كَانَ النَّبِيُّ وَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَانَ يَوْمُ عِيدٍ خَالَفَ
الْطَّرِيقَ

"Nabi SAW biasanya menukar atau berbeza jalan pergi dan pulang apabila di hari raya".

(Riwayat Al-Bukhari).

Keempat: Memakai pakaian dan berwangian yang paling baik.

Rasulullah SAW menyarankan kepada sahabatnya supaya berpakaian cantik. Malah cucu baginda Saidina Hassan juga menyebut bahawa:

"Nabi SAW memerintahkan kami supaya memakai pakaian dan wangian yang paling baik yang kami miliki di pagi raya".

(Riwayat al-Hakim dan at-Tabrani).

Namun begitu, Islam melarang umatnya membazir dan melampaui batas dalam menyambut Idulfitri khususnya dari segi makanan, pakaian, perhiasan, termasuklah hiburan yang melampaui batas dan lain-lain lagi.

Kelima: Memperbanyak bacaan al-Quran, berzikir, bertahmid dan bertahlil untuk memuji kebesaran Allah SWT.

Sunat melaungkan Takbir selepas jelas terlihatnya anak bulan Syawal dan berakhir apabila hendak menunaikan solat sunat Aidilfitri.



Hadirin sekalian,

Bulan Syawal juga boleh diibaratkan sebagai bulan silaturrahim. Betapa Syawal menjadi bulan yang penuh berkat, rahmat meluas dan mendapat keampunan Allah kerana melaluinya umat Islam dapat mengeratkan hubungan silaturrahim. Amalan ziarah menziarahi serta mengadakan rumah terbuka sudah menjadi sinonim pada bulan ini.

Banyak hikmah dan kelebihan yang diperolehi daripada amalan di bulan yang mulia ini. Antaranya ia mampu merapatkan hubungan silaturrahim malah menaut kembali ikatan persaudaraan yang telah lama terputus.

Hadis daripada Anas B. Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُسْطَلِّ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَيُنْسَأَ لَهُ فِي
أَثْرِهِ فَلَيَصِلْ رَحْمَةً

"Sesiapa yang inginkan rezekinya diluaskan dan dipanjangkan usianya, maka jalankanlah hubungan silaturrahim (dengan ihsan).

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Oleh itu, berkunjunglah ke rumah-rumah saudara mara termasuklah jiran tetangga dan yang paling afdalnya rumah yang paling dekat dengan rumah kita kerana sebahagian ulama berpendapat bahawa berhubungan baik dengan jiran amat digalakkan malahan melebihi daripada saudara sendiri.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,



Sedekah juga turut mewarnai agenda Syawal kita apabila tradisi memberi duit raya kepada kanak-kanak menambahkan lagi keceriaan di hari raya.

Hadis daripada Salman B. Amir RA. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الصَّدَقَةُ عَلَى الْمِسْكِينِ صَدَقَةٌ وَهِيَ عَلَى ذِي الرَّحْمَمِ تِنْتَانٌ صَدَقَةٌ وَصِلَةٌ

"Sedekah kepada golongan miskin, ganjarannya hanyalah sekadar pahala sedekah; sedangkan sedekah kepada mereka yang mempunyai hubungan silaturrahim terdapat dua ganjaran iaitu pahala sedekah dan pahala menjalin hubungan silaturrahim".

(Riwayat at-Tirmizi, an-Nasa'ie dan al-Baihaqi).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Keberkatan Syawal perlu terus diraih dimana dalam bulan ini umat islam juga dituntut melaksanakan puasa sunat 6 hari dalam bulan syawal dan ganjaran melaksanakannya menyamai setahun penuh berpuasa.

Hadis daripada Abu Ayub Al-Ansari bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتَبَعَهُ سِتَّاً مِنْ شَوَّالٍ
كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

"Sesiapa berpuasa pada bulan Ramadhan, lalu diiringi dengan puasa 6 hari dibulan Syawal, bererti ia telah berpuasa setahun penuh"



(Riwayat Muslim).

Pada bulan ini, umat islam akan meraih ganjaran hebat melalui ibadat puasa enam hari yang mana tidak ada pada bulan-bulan yang lain. Ia juga dapat membentuk keperibadian yang tinggi dan menjadi insan yang bertaqwa.

Di samping itu, umat Islam juga dilarang sama sekali untuk melibatkan diri dalam sebarang acara hiburan yang bertentangan dengan hukum Syarak.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Sebagai peringatan daripada khutbah hari ini, mimbar sekali lagi mengajak para Jemaah untuk:

1. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa Idulfitri adalah ibadah dan bukannya mengikut dan memenuhi adat semata-mata.
2. Sambutlah Idulfitri dengan penuh kesyukuran dan kesederhanaan serta tidak keterlaluan dan membazir mengikuti syariat yang digariskan Islam.
3. Amalkanlah puasa sunat kerana kita digalakkan melakukan puasa 6 dalam bulan Syawal.
4. Rebutlah peluang untuk bermaaf-maafan dengan menghulurkan tangan terutama kepada ibu bapa, suami isteri, anak-anak dan sahabat handai dengan penuh keinsafan serta ziarah menziarahi dengan batas-batas syarak.
5. Umat Islam hendaklah mengekalkan dan meneruskan amalan-amalan tarbiah yang dilakukan dalam bulan ramadhan seperti membaca al-Quran, memperbanyak solat sunat, bersedekah dan beriktikaf di masjid.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
فَإِذْكُرْنِي أَذْكُرْكُمْ وَآشْكُرُوا لِي وَلَا تَكُفُّرُونِ

"Oleh itu ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku").

(al-Baqarah : 152).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjasaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا
الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
الَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةَ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلطَانِ



سَلَّٰعُورُ، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسُ شَاهُ
الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدُ
الْعَزِيزُ شَاهُ الْحَاجُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَّٰعُورُ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنِ وَصَلَاحِ وَعَافِيَةِ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.